

78- Dhamir gha'ib kadang-kadang kembali kepada sesuatu (marji`) yang tidak disebutkan, sesuai dengan apa yang ditafsirkan oleh siyāq kalām (jalinan ayat).	قاعدة ٧٨ ضَمِيرُ الْغَائِبِ قَدْ يَعُودُ عَلَى غَيْرِ مَلْفُوظٍ بِهِ، كَالَّذِي يُفَسِّرُهُ سِيَاقُ الْكَلَامِ.	
--	---	--

Keterangan:

Apabila marji` (tempat kembali) bagi sesuatu dhamir gha'ib tidak ada pada lafaznya, maka apa yang ditunjuki siyāq kalām (jalinan ayat) itulah yang dianggap sebagai marji` nya.

Berikut adalah beberapa contohnya di dalam al-Qur'an:

(1)

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾

Bermaksud: Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa. (ar-Rahman:26).

Marji` (tempat kembali) dhamir gha'ib pada kata عليها tidak tersebut sebenarnya, tetapi sebagaimana dapat anda lihat pada terjemahan di atas “di muka bumi itu”, seolah-olahnya ia adalah marji` bagi dhamir tersebut. Padahal itu hanyalah apa yang difahami daripada siyāq kalam (jalinan ayat) semata-mata.

(2)

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ ﴿٢٦﴾

Bermaksud: Jangan begitu (janganlah mengutamakan dunia dan melupakan akhirat)!. Apabila ia (roh) telah sampai ke pangkal kerongkong, (al-Qiyāmah:26).

Marji` dhamir gha'ib dalam perkataan بلغت tidak ada tersebut langsung sebelumnya, tetapi ia dfahami daripada siyāq kalām (jalinan ayat). Kembalinya tentu kepada roh atau nafas terakhir manusia ketika

hampir meninggal dunia. Kerana kedua perkataan روح dan نفس dalam bahasa `Arab merupakan mu'annats samā'i.

(3)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al-Quran) pada Malam Qadar. (al-Qadr-1).

Dhamir gha'ib di akhir perkataan fi`il أنزلنا itu tidak ada marji'nya yang disebutkan sebelum itu dengan terang. Tetapi siyāq kalām atau jalinan ayat menghendaki ia al-Qur'an berdasarkan beberapa ayat lain yang boleh dianggap sebagai pentafsirnya.

(i) Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ﴿١٨٥﴾

Bermaksud: Bulan Ramadan adalah (bulan) yang di dalamnya diturunkan Al-Qur'an, sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang benar dan yang batil). (al-Baqarah: 185).

(ii) Firman Allah di dalam Surah ad-Dukhān ayat 1-6:

حَمْدٌ ﴿١﴾ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿٢﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبَرَّكَةٍ ﴿٣﴾ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٤﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٥﴾ أَمْرًا مِّنْ عِندِنَا إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ﴿٦﴾ رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٧﴾

Bermaksud: Hā Mīm. (1) Demi Kitab (Al-Qur'an) yang jelas, (2) Sesungguhnya Kami telah menurunkannya pada malam yang diberkati. Sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan. (3) Pada (malam itu) dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah, (4) (iaitu) urusan dari sisi Kami. Sesungguhnya, Kamilah yang mengutus rasul-rasul, (5) sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya, Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (ad-Dukhan: 1-6).

(iii) Firman Allah di dalam Surah al-Anfāl ayat 41:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ إِن كُنتُمْ ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلْنَا

عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّلَاقِ الْجَمْعَانِ ۖ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٥﴾

Bermaksud: Dan ketahuilah, sesungguhnya segala yang kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka seperlunya untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak yatim, orang miskin dan ibnu sabil, (demikian) jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) di hari Furqan, iaitu pada hari bertemunya dua pasukan. Allah Mahakuasa atas segala sesuatu. (al-Anfāl: 41).

(iv) Kedudukan Surah al-`Alaq yang dimulakan dengan 5 ayat yang mula-mula sekali diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. sebelum Surah al-Qadr. Firman Allah itulah kiranya marji` dhamir pada أنزلناه di dalam ayat pertama Surah al-Qadr.

Sesetengah `ulama' menerapkan juga firman Allah di bawah ini ke dalam qaedah ke-78 yang sedang kita bicarakan sekarang, padahal itu tidak benar dan ia merupakan kesilapan besar dalam penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an:

فَقَالَ إِنِّي أَحْبَبْتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: (Kerana lekanya dengan pertunjukan itu) maka Nabi Sulaiman berkata: “Sesungguhnya aku telah mengutamakan kesukaanku kepada (kuda pembawa) kebaikan lebih daripada mengingati (ibadatku kepada) Tuhanku, sehingga (matahari) melindungi dirinya dengan tirai malam”. (Shād:32).

Lihat terjemahannya itu menurut mereka, dhamir gha'ib di dalam perkataan توارت bagi mereka adalah matahari yang langsung tidak tersebut sebelumnya. Padahal boleh saja dhamir gha'ib itu dikembalikan kepada perkataan الصافات الجياد yang tersebut di dalam ayat ke-31 sebelum itu. (Untuk mendapat perbahasan yang lebih terperinci tentangnya lihat buku penulis “99 Usul Dirayat Hadits” jilid 1 muka surat 195-204).